

Dalam surat berita kali ini, kami berkongsi dengan anda penemuan baharu kami tentang persepsi penuaan di tempat tinggal dalam kalangan warga emas sejak beberapa bulan lepas. Kami juga berkongsi cerapan daripada rumusan penyelidikan terkini kami tentang penyertaan aktiviti dan kesejahteraan, serta sesi perjumpaan kami dengan sebahagian ahli Panel Kehidupan Singapura® baru-baru ini.


Sorotan Penyelidikan

Penuaan di tempat tinggal

Dalam bulan September, kami telah bertanyakan beberapa soalan berkenaan penuaan di tempat tinggal. Penuaan di tempat tinggal merujuk kepada keupayaan untuk tinggal di rumah sendiri dengan selamat, boleh berdikari dan dengan selesa, untuk mengekalkan kesinambungan dan rasa kekitaan dalam komuniti persekitaran. Usaha kerajaan yang dijalankan sejak akhir-akhir ini seperti program Sihat Menua SG juga bertujuan menggalakkan penuaan yang aktif dan menambah baik persekitaran serta sokongan penjagaan warga emas bagi memudahkan penuaan di tempat tinggal.

Kami dapati 1,039 daripada 6,013 orang responden (17.28%) menyatakan mereka merancang untuk berpindah dari rumah kediaman mereka di masa hadapan, sementara 4,974 orang responden (82.72%) menyatakan mereka tidak berniat untuk berbuat demikian. Mereka yang berniat untuk berpindah di masa hadapan, kebanyakan daripada mereka (57.65%) menyatakan mereka merancang untuk berpindah ke rumah yang lebih kecil. Pilihan perancangan tempat tinggal lain termasuklah rumah jagaan orang tua (11.55%) dan tinggal bersama ahli keluarga (7.31%).

Adakah anda bercadang untuk berpindah keluar dari rumah anda sekarang pada masa hadapan?




Topik penuaan di tempat tinggal ini kini semakin mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat yang semakin menua, oleh itu kami berharap untuk membuat penyelidikan yang lebih mendalam agar dapat memahami keperluan warga emas dan cara masyarakat boleh memenuhi keperluan ini dengan lebih baik.

Penyertaan aktiviti dan kesejahteraan

Penglibatan aktif dalam kehidupan telah sekian lama diketahui sebagai aspek penting dalam penuaan yang berjaya. Dalam kajian kami yang terkini, kami telah mengenal pasti corak penyertaan aktiviti dalam kalangan warga emas, serta kaitannya dengan kesejahteraan mereka. Kami telah mengenal pasti tiga jenis penyertaan aktiviti dalam kalangan responden: (i) aktif secara keseluruhan - responden yang cenderung untuk menyertai secara kerap dalam semua lapan aktiviti yang disenaraikan, (ii) aktif secara fizikal dan digital - responden yang cenderung menyertai aktiviti fizikal, meluangkan masa di luar rumah, dan berhubung dengan orang lain secara digital, dan (iii) aktif secara digital - responden yang hanya cenderung berhubung dengan orang lain secara digital.

Graf di bawah menunjukkan taburan jenis penyertaan aktiviti dan aktiviti yang lebih cenderung disertai oleh setiap kumpulan.

Taburan penyertaan aktiviti dalam kalangan responden SLP



Kami juga mendapati responden yang aktif secara keseluruhan lebih berkemungkinan berpuas hati dengan kehidupan mereka berbanding dua kumpulan yang lain, dan mereka yang aktif secara fizikal dan digital juga lebih berpuas hati dengan kehidupan mereka berbanding mereka yang hanya aktif secara digital. Dapatan ini menunjukkan bahawa penyertaan dalam pelbagai aktiviti, merangkumi sosial, fizikal dan digital adalah bermanfaat untuk kesejahteraan warga emas.

Sesi Perjumpaan SLP terbaru



Dalam bulan Jun dan Ogos, kami telah menjemput anda untuk menghadiri Perjumpaan SLP dan membincangkan cara kita boleh menyediakan infrastruktur yang lebih baik di Singapura bagi menyokong penuaan di tempat tinggal. Para ahli SLP berkongsi pendapat mereka tentang perkara yang mereka yakin penting untuk warga emas berjaya menjalani usia tua di tempat tinggal sendiri; contohnya, klinik kesihatan, pengangkutan yang mudah diakses dan aktiviti sosial yang boleh disertai oleh warga emas. Ahli-ahli SLP juga mencadangkan penyediaan kemudahan yang mesra warga tua dalam kejrangan, seperti lif dan tanjakan kerusi roda. Kemudahan ini akan meningkatkan kebolehcapaian kemudahan kejrangan bagi warga emas yang menghadapi kesukaran bergerak dan menggalakkan mereka untuk melibatkan diri dalam komuniti.

Di samping penyediaan kemudahan awam, ahli-ahli SLP juga mencadangkan agar kesedaran tentang perkhidmatan komuniti penuaan di tempat tinggal ditingkatkan dalam kejrangan supaya penduduk dapat memanfaatkan sepenuhnya perkhidmatan yang disediakan bagi menyokong proses penuaan di tempat tinggal.

Sesi perjumpaan ini memberi peluang kepada kami untuk lebih memahami pandangan anda terhadap isu-isu penting berkenaan penuaan yang tidak dinyatakan dalam jawapan tinjauan anda, dan kami berharap untuk terus melibatkan anda dalam Perjumpaan SLP yang akan datang!

Perihal Panel Kehidupan Singapura

Sebagai ahli Panel Kehidupan Singapura, anda merupakan sebahagian daripada kumpulan yang terdiri daripada lebih daripada 10,000 orang responden yang menyumbang kepada kefahaman kami terhadap penuaan yang berjaya di Singapura. Kira-kira 80% ahli menyertai SLP pada tahun 2015 dan 20% lagi antara 2021-2023. Kami ucapkan terima kasih kepada anda kerana sentiasa mengambil bahagian dalam tinjauan kami dan berkongsi pendapat anda.

Hubungi Kami

Jika anda telah berubah alamat atau nombor telefon, memerlukan sebarang bentuk bantuan untuk melengkapkan tinjauan, atau ada sebarang soalan atau maklum balas, sila hubungi kami di Talian Utama Pusat kami di nombor 6808 7910 (10 pagi hingga 5 petang, Isnin hingga Jumaat) atau di slp@smu.edu.sg. Kami sentiasa bersedia mendengar pendapat anda.